

Penubuhan MARA: Yang Tersurat dan Tersirat Serta Keberkesanan Program yang dilaksanakan

(Case study notes: The Educational Institution of MRSM or MJSC)

by

Mohd Nizam Mohd Ali (nizam@iim.org.my)

These are documented records been reviewed to provide the contextual background of the institution of Maktab Rendah Sains MARA (hereafter referred to as MRSM) in an attempt to showcase the relevancy of MARA, both as an idea and aspiration, as well as a body that has delivered one of its promises i.e. the education and training agenda to Malaysia. It is presented as a historical verbatim and chronological storyline with a common message. As a person who has directly benefited tremendously from this institutional programme, I am recognizing and acknowledging the meaningful position that MRSM and all its founding teachers until now have been upholding and fulfilling with little fanfare and much sacrifices. It is my personal hope that with this way of proper adab in full humility, the continuous legacy of thoughts leadership and professional scholarship amongst MARA constituencies, for the future generations to cherish and live with, will flow unhindered.

To ease our introspective journey, let us agree to start delineating the boundaries of the said institution that is of interest i.e. MRSM. It belongs to MARA Educational Division that champions the educational and training agenda of the Bumiputeras since its inception. It is also said to be the key to unlock the potential of human potential within the modern challenges of trade and commerce era that Malaysia embraces consciously.

The Birth

It can definitely be traced via the documents of the two Kongres Ekonomi Bumiputera (KEBs) in 1965 and 1968 that the idea of the institution of MRSM has been evolving gradually from the general consensus reached among the Bumiputra population then.¹ It was noted that;

(In 1st KEB, 1965)

“Dalam Negara Malaysia ada universiti² dan maktab² untuk mendapat pelajaran² yang tinggi, tetapi malang-nya anak² Bumiputra tidak begitu banyak bilangan-nya yang belajar dalam ‘ilmu tinggi’ jikalau di-bandingkan dengan orang² lain terutama di-dalam bidang Sains dalam mana boleh di-katakan tidak ada langsung anak² Bumiputra mendapat tempat yang memuaskan. Boleh jadi salah satu sebab yang maka anak² Bumiputra tidak begitu banyak belajar dalam ‘ilmu yang tinggi, terutama sekali di bidang Sains, ia-lah oleh kerana mereka itu tidak mendapat perhatian dan kemudahan² yang sempurna di-sekolah² menengah dan rendah yang bertaboran di-kampong² dan di-pekan² kecil di-seluruh Negara. Walhasil untuk menjadi Doktor, Peguam, Jurutera, Akauntan, Akitek dan lain² lagi; ‘ilmu Sains dan ‘ilmu Kira² amat-lah mustahak di-pelajari dengan chekap dan pandainya dari muda² lagi... Sekolah² kebangsaan dan kesemua sekolah² yang banyak menempatkan anak² bumiputra belajar hendak-lah di-berikan kemudahan-kemudahan bagi mempelajari ‘ilmu Sains dan ‘ilmu Kira².”

(In 2nd KEB, 1968)

“Perkembangan² yang pesat telah pun kita chapai dalam masa 2-3 tahun ini, silat *lihat* Kembaran² “A”, “B”, “C” dan “D”, tetapi oleh sebab masaalah latehan di-perengkat ini ia-lah soal² yang besar dan mendalam maka banyak lagi tambahan kerja² tertentu yang mesti kita jalankan pada masa sekarang jika kita hendak menchapai persainimbangan dalam ekonomi dan masharakat kita, termasuk-lah:

mengadakan sekolah² pre-universiti Kolej² Rendah (Junior Colleges), (p.73)

... Ada laporan² yang menyatakan ia-itu tiap² tahun Kerajaan akan mengeluarkan lebeh kurang 40,000 orang penuntut² kelulusan L.C.E., bakal penuntut² memasoki latehan kemahiran MARA, dan lebeh kurang 30,000 orang penuntut² O.C.S., bakal penuntut² Tingkat VI, M.I.T Kolej², Institut Teknologi dan Universiti² di-dalam dan di-luar negeri tetapi dari pengalaman kita menemuduga penuntut²/pelajar² tersebut kita dapati hanya 10-15% sahaja daripada pelajar²/penuntut² itu yang betul² mendapat kelulusan yang sesuai bagi membolehkan mereka memasoki kursus² latehan kita, ia-itu kelulusan kepujian dalam mata pelajaran² Bahasa Inggeris, Kira² dan Sains. Untuk mengatasi perkara ini kita harus memikirkan perkara² saperti berikut:

¹ Kongress Ekonomi Bumiputra Malaysia, Kertas Kerja No. 5/1/65, Kertas Kerja Mengenai Latehan, pp.38-47, Kuala Lumpur 5-7 Jun 1965; see also Konggeres Ekonomi Bumiputra Kedua, Kertas Kerja No. 8, Latehan Bumiputra, pp.71-84, Kuala Lumpur 7-9 Sept 1968.

Mengadakan

Maktab2 Rendah untuk menyediakan penuntut2 Bumiputra memasuki Institut Teknologi MARA, kolej2 dan Universiti2 di-dalam dan di-luar negeri. (p.73)

... Kita telah pun mulai mengambil langkah untuk melengkapkan Bumiputra yang berkelayakkan dan berkebolehan untuk mendapatkan kelulusan2 yang di-akui bagi mendidik anak Bumiputra kita di-perengkat V, VI dan di-Universiti Malaya. Kita anggarkan masa sa-kurangnya2-nya 10 tahun lagi untuk mengadakan tenaga manusia yang sangat2 di-kehendaki dan di-hargai itu kerana dalam masa 10 tahun lagi ada kemungkinan Negeri kita ini akan mendirikan sa-kurang2-nya 2 atau 3 Universiti/Kolej lagi demi kepentingan ra'ayat bersama. Kita mahu bersedia dari sekarang ini untuk mengadakan pensharah2 dan pentadbir2 Kolej2/Universiti2 tersebut – “menyediakan payung sa-belum hujan”. (p.74)

... Berasaskan di-atas kemahuan2 dan kebolehan2 Bumiputra sekarang maka ranchangan2 latehan MARA mesti-lah di-perluaskan dan di-pergiatkan lebeh2 lagi untuk memperkuat-kuasakan dasar yang tertentu ia-itu “mengesaimbangkan kedudukan Bumiputra yang dalam bidang perusahaan dan perdagangan”. Ranchangan2 latehan iktisas, akademik dan kemahiran bagi pelatoh2/penuntut2 Bumiputra yang mengikuti bermacam2 aliran pengajian sama ada dalam bahasa Kebangsaan atau pun bahasa Inggeris akan di-beri keistimewaan dan penelitian yang rapi. Ra'ayat Bumiputra mesti sanggup berkorban bukan sahaja daripada segi mata wang tetapi juga tenaga dan masa yang tidak berbelah bagi.

Kemajuan2 yang telah di-chapai ia-lah menghantar penuntut2 belajar di-dalam dan di-luar negeri dari perengkat Universiti2 dan Kolej2, sekolah2 latehan termasuk latehan2 dalam industri, di-Malaysia dan di-India, Jepun, Eropah, Australia, New Zealand, Amerika Sharikat dan lain2 negeri di-dunia ini. Usaha ini terus di-perhebatkan dan di-lipatgandakan lagi. Pada masa ini dalam negeri ini di-dapati kurang daripada 5% bilangan pharmacists, doktor2, jurutera2 dan ahli2 sains, dan kurang daripada 15% bilangan guru2 yang bertauliah, architects, surveyors, accountants, sharebrokers, builders/contractors dan lain2 lagi sa-bagai tiang pembangunan ekonomi dan kemasharakatan negara. Ada-lah di-harapkan masalah ini akan di-atasi dalam tempoh 15-20 tahun yang akan datang. Bakti tenaga dan usaha kita hendak mendatangkan kemajuan menerusi latehan dan pelajaran demi kepentingan ra'ayat Bumiputra setakat ini belum pernah dapat di-lakukan pada masa yang telah sudah2 oleh kerana chara berfikir dan bekerja yang singkat dan lemah. Kita perchaya penoh perkara2 ini dapat di-atasi kerana kita tahu benar2 “ILMU ITU IA-LAH PENYULOH KEMAJUAN DAN TANGGA KEKAYAAN”. (p.74-75)

Such was the intensity of the feeling amongst the discussants of the training and educational agenda of the Bumiputra. In fact, one of them, Enche' Musa Hitam, wrote a memorandum to the 2nd KEB Committee on the Bumiputra Economic Growth, in which he stresses, that;

“... Kita mesti-lah sedar bahawa penyelesaian segera (instant solution) untuk kakitangan2 yang berkecukupan memang-lah tidak ada. Rancangan yang di-maksudkan ini mestilah bermula dari perengkat menengah rendah. Kita mesti-lah memaksa tiap2 penuntut Bumiputra supaya mempelajari mata2 pelajaran Ilmu Hisab dan Ilmu2 Sains. Jika tidak kita akan tidak dapat membekalkan penuntut2 Bumiputra untuk mengikuti kursus2 teknologi, sains, perubatan, kejuruteraan, dan lain2 di-Institut Teknologi MARA, Universiti Malaya dan sabarang laut, Maktab Teknik, dan institusi2 lain. Kita tidak boleh lagi membenarkan keadaan sekarang, di-mana kebanyakan daripada lepasan2 sekolah kita hanya-lah mendapat “pelajaran” semata2, dan mereka tidak mempunyai apa2 kebolehan atau kemahiran yang boleh menarik hati majikan2 di-dalam semua sektor untuk berkekalan”.²

Though the initial intention was to formulate a workable short-term solution to the economic predicament of the indigenous populace of Malaysia, due to the resigned admission by the paper writers for the lack of required materials and tight time-constraints to know the exact manpower (labour and educated segments of Bumiputra) need, it was concurred that the Petaling Jaya-based Dewan Latehan RIDA³ would best be the womb to nurture the seed of such a futuristic idea.

The Intent

To conceive an idea, one must have a sound mind and pure heart, and to sustain it through the test of time and space, where no man could escape their respective toils,

² Konggeres Ekonomi Bumiputra Kedua, Memorandum dari Persaorangan, Enche' Musa Hitam, Pejabat Setia-usaha Agong UMNO, Peti Surat 644, Kuala Lumpur (p.66)

³ Rural and Industrial Development Authority was a government statutory body formed by the British-Malaya Administration vide R.I.D.A. Ordinance No. 48, 1953 subsequent to Meetings of Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan Tanah Melayu, in July 1950 and on 25 April 1951 vide Meeting Letter No. 10/1951 to “redress the imbalance between the economic level of the rural and non-rural dwellers” as an overall Rural Development since 1950. On November 17th, 1959, when the Ministry of Rural Development came into being, RIDA was re-organised upon the recommendations of the Special Committee appointed by the Honourable the Deputy Prime Minister in November 1960, chaired by Enche' Abdul Jamil bin Abdul Rais, JMN, PJK. Other members were Mr. W.M. Gilmartin (a member of the World Bank Mission tasked to assist the preparation of the Federation's Government Five Year Development Plan, Joined three committee meetings between 18th November 1960 and 13th December 1960), Y.M. Raja Mohar bin Raja Badiozaman, Enche' Abdul Aziz bin Yeop, Mr. C.G. Ferguson, MC., PJK, and Enche Yahya bin Abdul Wahab (Secretary). Enche Agoes Salim of RIDA was attached to the Committee from February 1961. See also the Report of the Special Committee to consider and make recommendations for the re-organisation of the RURAL AND INDUSTRIAL DEVELOPMENT AUTHORITY, pp.1-13. and Appendices A-D. note the Recommendations 12 (iii) RIDA should concentrate its resources on Rural industries, Rural Credit and *Training*. See also Souvenir Book – RIDA-MARA Golden Jubilee 1950-2000, pp. 6-14.

the continuous Divine guidance is a pre-requisite. Not many kindred souls can lay claim that they are those humanly bodies that could grasp the depth, breadth and length of such legacy of thought.

I read with growing interest these RIDA / MARA-MRSM thoughts as per verbalized by Tun Abdul Razak bin Hussein, through his documented speeches⁴, and could not help but feel humbled by his conviction in personifying the guardian role model of that sacred gem. In verbatim records, throughout the turbulent years of Malaya-Tanah Melayu-Malaysia transformation of national identity, he says;

(On 22nd March 1960)

“Seperti tuan-tuan semua ketahui Kerajaan, iaitu Kerajaan Perikatan, telah menentukan dasarnya bahawa dalam masa 5 tahun yang akan datang Kerajaan Perikatan akan memberi keutamaan yang penting sekali kepada kemajuan di luar Bandar. Dan Kerajaan akan menggunakan sepenuh-penuh tenaga bagi faedah penduduk-penduduk di luar Bandar. Lembaga ini adalah dikehendaki mengambil tempat yang penting bagi menjalankan dasar Kerajaan ini dan bagi mendatangkan hasil yang memberi puas hati...Saya suka menegaskan di sini bahawa pekerjaan membaiki keadaan di kampung-kampung itu adalah satu pekerjaan yang besar dan luas yang tidak dapat dilaksanakan dengan serta-merta. Oleh itu mustahaklah kita mengatur perjalanan kita, iaitu hendaklah kita mulakan satu persatu supaya kita mendapat hasil dengan seberapa segera. Mustahaklah kita sempurnakan satu dua perkara yang kita telah buat itu sebelum kita bermula membuat perkara yang lain. (In other words we must always endeavour to consolidate our resources at any given project or another rather than attempt too many new ventures at one time. We must be realistic and consistent. We want results, results which are visible).⁵

(On 23rd December 1960)

Saya faham yang saya mengetahui bahawa ada banyak perkara-perkara yang Lembaga ini boleh dan suka hendak menjalankan bagi faedah penduduk-penduduk di luar Bandar. Akan tetapi jika kita berkehendakkan kejayaan dalam pekerjaan kita itu mustahaklah kita jayakan kerja itu satu persatu, tumpukan tenaga kita kepada pekerjaan itu dan selepas sempurnanya kejayaan ini baharulah kita membuat pekerjaan yang lain. Saya fikir untuk

⁴ Arkib Negara Malaysia and Jabatan Perdana Menteri Records

⁵ Ucapan pembukaan Mesyuarat R.I.D.A. yang pertama oleh YB Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak bin Hussein pada 22hb Mac 1960; pp.38-41, TR 3:3:60, Ucapan2 Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, 1960, Arkib Negara Malaysia & Jabatan Perdana Menteri, Mohd Daud bin Abdul Rahman, Ketua Pengarah Percetakan Semenanjung Malaysia, Kuala Lumpur: 1975

mencuba hendak membuat pekerjaan yang terlampau banyak itu tidak akan mendapat hasil yang sempurna kerana usaha dan tenaga itu terpaksa dipecah-pecah dan dibahagi-bahagikan. Akan tetapi jika kita buat pekerjaan itu satu persatu, sudah tentu pekerjaan kita itu akan mendapat kejayaan... Begitu juga dengan adanya perubahan-perubahan yang saya sebutkan itu mustahaklah kita (jentera RIDA) itu disemak dan diatur dengan sempurnanya. Tidak berapa bulan yang lalu saya telah menjemput seorang Pakar dalam hal ehwal perusahaan-perusahaan luar Bandar, Dr. Stepanek datang ke Tanah Melayu dan supaya dapat menolong menasihatkan ktia cara-cara hendak menghantar penyatanya yang sangat berharga dan menurut penyata yang diberi itu saya telah melantik satu Jawatankuasa yang mengandungi Pegawai-pegawai daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Treasury dan Agriculture supaya dapat menyemak dan mengatur kedudukan jentera RIDA ini. RIDA mustahak menjadi satu pasukan hadapan di dalam serangan Pembangunan Luar Bandar kita. Oleh itu mustahaklah pasukan RIDA itu diserang dahulu dengan sempurnanya supaya dapat menjalankan serangan dengan mempunyai kejayaan yang penuh.⁶

(On 5th June 1965)

Saya sangat sukacita kerana dapat hadir ke majlis ini untuk menyempurnakan perletakan batu asas Bangunan Ibu Pejabat RIDA yang baharu. Kebetulan pada hari semalam kita telah meletakkan satu lagi batu asas iaitu batu asas bagi mengadakan satu rancangan dan dasar yang baharu untuk memperbaiki iktisad bumiputera di Malaysia ini. Pada pagi ini kita telah meletakkan batu asas bagi bangunan baharu untuk Lembaga atau Badan atau Majlis yang akan menjalankan rancangan dan dasar yang sedang dibincangkan oleh Kongres Ekonomi Bumiputera itu...Upacara pada pagi ini bermakna iaitu sejarah RIDA yang telah bertugas selama 15 tahun untuk menolong rakyat-rakyat di luar Bandar bagi memperbaiki iktisad mereka itu akan masuk kepada bab yang baharu dalam kehidupannya...Akan tetapi saya suka terangkan bahawa dengan mengadakan Lembaga yang baharu dinamik dan mempunyai jentera yang lengkap untuk menjalankan tugasnya mustahaklah kita menukar juga fikiran, pandangan dan semangat kita dalam lapangan ekonomi dan perniagaan. Kerajaan dan Lembaga ini hanya dapat memberi pertolongan kepada rakyat dalam lapangan iktisad akan tetapi kejayaan tiap-tiap seorang di dalam lapangan ini adalah bergantung kepada diri mereka sendiri...Saya telah sebutkan tadi bahawa Lembaga RIDA ini akan diberi rupa, bentuk dan nama yang baharu. Kita selalu mendengar pakar-pakar ekonomi berkata jikalau kita berkehendakkan kemajuan dalam negeri kita ini, mustahak kita menggunakan kekayaan-kekayaan yang ada dalam negeri kita ini seperti bijeh, getah dan sebagainya dengan sepenuhnya. Akan tetapi pada fikiran saya kalau kita berkehendakkan kejayaan dalam lapangan ekonomi ini kekayaan dan kekuatan yang pertama sekali mesti digunakan ialah **kekuatan tenaga rakyat yang ada pada kita**. Dengan sebab itu langkah yang pertama yang akan diambil apabila menubuhkan Lembaga yang baharu ialah ahli-ahli Lembaga yang bertanggungjawab bagi menjalankan dasar-dasar Lembaga ialah daripada orang-orang yang faham, mempunyai pengalaman dalam hal ekonomi dan perniagaan dan orang-orang yang sebenarnya mempunyai semangat ingin kepada kemajuan dan semangat bersedia hendak bekerja dan

⁶ Ucapan Timbalan Perdana Menteri di dalam Majlis perjumpaan pegawai-pegawai RIDA pada 23hb Disember, 1960 di Kuala Lumpur; TR 4:12:60, pp. 197-201.

berkorban kerana bangsa dan negara. Lembaga ini akan mengadakan beberapa pejabat atau bahagian-bahagian untuk menjalankan tugas-tugasnya. Yang pertama ialah Bahagian Latihan, yang kedua Bahagian Modal dan Pinjaman Wang, yang ketiga Bahagian mengadakan Pertolongan, Nasihat atau 'contact' dalam bahasa Inggerisnya, dan yang keempat Bahagian Pentadbiran, yang kelima Bahagian Perusahaan, dan yang keenam Bahagian Pengangkutan untuk mengelolakan perusahaan-perusahaan pengangkutan yang ada sekarang ini, dan yang ketujuh akan diadakan satu Bahagian Research iaitu satu bahagian jentera untuk mengeluarkan fikiran-fikiran dan juga planning-planning yang dikehendaki dari satu masa ke satu masa dan bahagian ini juga akan bertanggungjawab bagi menyemak kemajuan-kemajuan yang kita capai dari satu masa ke satu masa supaya boleh menjamin kemajuan yang kita capai itu adalah tetap, tegas dan sempurna...Saya tegaskan di sini, Lembaga ini bertanggungjawab dalam lapangan ekonomi bumiputera tetapi Lembaga ini tidak hendak mengambil kuasa atau menjalankan tugas Pejabat-pejabat dan Kementerian-kementerian yang lain. Tiap-tiap Kementerian seperti Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pertanian dan Syarikat Kerjasama serta Kerajaan-kerajaan Negeri ada tanggungjawabnya masing-masing dan mustahaklah Kementerian-kementerian dan Kerajaan Negeri itu meneruskan pekerjaan-pekerjaannya dan mengadakan kerjasama yang rapat dengan Lembaga ini... Saya telah sebutkan Lembaga ini akan diberi rupa, nama dan tugas yang baharu dan akan diberi bentuk dan rangka yang baharu dan akan diberi nafas yang baharu, juga jiwa dan semangat yang dikehendaki seperti yang sedang ditunjukkan oleh wakil-wakil dalam Persidangan Kongres...Kesimpulannya, tuan-tuan dan puan-puan, dalam tiga hari ini iaitu hari semalam, hari ini dan hari besok, kita membuka lipatan sejarah yang baharu dalam lapangan pembangunan. Tuan-tuan dan puan-puan, ahli-ahli Kongres sekalian telah datang dari jauh dan dekat untuk menghamburkan buah fikiran dan pendapat masing-masing terhadap cara-cara hendak memperbaiki iktisad bumiputera. Pendapat dan pandangan-pandangan ini akan dapat menggambarkan kepada Kerajaan cita-cita dan hasrat rakyat bumiputera sekalian dalam lapangan iktisad ini, dan pandangan dan pendapat serta hasrat itu akan memberi panduan yang jelas kepada Kerajaan di atas cara-cara yang Kerajaan akan mengambil langkah menolong dan memperbaiki ekonomi bumiputera. Begitu juga pada pagi ini kita telah mula menubuhkan bangunan untuk satu badan yang baharu yang akan mempunyai tanggungjawab penting dalam lapangan iktisad ini. Kerajaan berazam hendak mengambil apa juga langkah yang patut untuk memberi peluang yang lebih lanjut, lebih luas kepada bumiputera negeri ini. Saya sendiri faham untuk menjalankan kehendak-kehendak dan hasrat bumiputera dalam lapangan ekonomi, kita berkehendakkan usaha dan tenaga dan satu badan bukan sahaja progresif seperti yang dikatakan oleh ahli Kongres semalam, bahkan satu badan yang dinamik yang boleh sebenarnya menjalankan kehendak-kehendak dan hasrat bumiputera dengan sepenuhnya. Lembaga inilah yang hendak kita lahirkan hari ini dan Lembaga ini, saya harap Kongres sendiri akan memberi nama yang sesuai dengan kehendak dan hasrat bumiputera dan kerajaan akan memberi nyawa dan jiwa yang baharu, akan memberi tenaga yang penuh kepada Lembaga ini untuk menjalankan kehendak-kehendak dan hasrat bumiputera dalam usaha memperbaiki ekonomi mereka itu. Bagi penutupnya, saya sebutkan cita-cita hendak mengambil bahagian dalam lapangan iktisad dan perniagaan ini bukanlah satu perkara yang pelik, susah ataupun luar biasa akan tetapi seperti perusahaan-perusahaan dan pekerjaan-pekerjaan yang lain perkara yang penting sekali dikehendaki ialah latihan yang sempurna, pengetahuan dan pengalaman supaya dapat bertanding dan berlawan

dengan orang-orang yang telah pun mengambil bahagian dalam lapangan ini. Tanggungjawab Kerajaan saya sebutkan ialah terang dan nyata iaitu Kerajaan akan memberi sepenuh-penuh peluang sama ada latihan dan juga pertolongan-pertolongan lain dengan harapan dan kepercayaan bumiputera sekalian akan menggunakan peluang ini dengan sepenuhnya. Saya sendiri yakin dan percaya dengan kerjasama yang penuh daripada Kerajaan dan daripada bumiputera sendiri dan dengan semangat dan jiwa yang baharu daripada kedua-dua pihak, kehendak dan hasrat rakyat dalam lapangan ekonomi ini dengan izin Tuhan akan dapat dihasilkan. Sekianlah sahaja, dengan ini saya sukacita mengisytiharkan perletakan batu asas bagi bangunan Lembaga ini dan saya berdoa kepada Tuhan mudah-mudahan bangunan ini akan memberi nikmat-nikmat dan faedah-faedah yang dikehendaki oleh semua golongan.⁷

(On 7th June 1965)

...Saya dengan sukacita dan besar hati menerima dan saya mengaku dengan seberapa daya upaya dengan apa jua tenaga yang diberi oleh Tuhan kepada saya dan rakan-rakan saya, Menteri-Menteri yang lain dalam kerajaan Perikatan, kami akan jalankan kehendak-kehendak dan hasrat tuan-tuan dan rakyat-rakyat sekalian dengan sepenuh-penuhnya. Akan tetapi tanggungjawab bagi menjalankan keputusan-keputusan itu ialah tanggungjawab bersama, tanggungjawab kerajaan, tanggungjawab Kongres dan juga tanggungjawab rakyat bumiputera sekalian...Akan tetapi kemajuan itu bukan ada di tangan Menteri-Menteri, Perdana Menteri ataupun Menteri-Menteri yang lain, kemajuan itu hanya duduk dalam urat nadi dan titik peluh tiap-tiap seorang wakil-wakil yang hadir di sini dan tiap-tiap seorang ahli bumiputera di seluruh negara kita...Pada hari semalam, pada masa meletakkan batu asas bangunan RIDA yang baharu, saya telah terangkan cadangan kerajaan hendak mengubah kedudukan RIDA itu hendak memberinya rupa, bentuk, nafas dan jiwa yang baharu dan **pada hari ini Kongres telah memberi Lembaga itu nama yang baharu – MARA.** Lembaga – MARA – akan bertanggungjawab menolong dan menjalankan ikhtiar-ikhtiar untuk memperbaiki ekonomi bumiputera...Kertas-kertas Kerja Kongres ini dan juga ketetapan-ketetapan yang diperbuat oleh Kongres pada hari ini akan menjadi panduan kepada Kerajaan dan kepada MARA ini untuk menjalankan tugas-tugas mereka. Seperti saya sebutkan pada pagi semalam sungguhpun dalam usaha memajukan ekonomi rakyat ini kita berkehendakkan menggunakan hasil-hasil bumi yang ada di negara kita ini seperti bijih timah, getah, barang-barang keluaran hutan dan sebagainya, tetapi hasil atau kekuatan yang mustahak sekali yang patut kita gunakan dalam lapangan ini ialah kekuatan tenaga rakyat. Kita mustahak menggunakan orang-orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan, semangat dan jiwa kebangsaan untuk menjadi ahli-ahli MARA ini dan menolong bersama-sama melaksanakan dasar dan rancangan-rancangan dan hasrat kita hendak memperbaiki ekonomi bumiputera itu. Saya harap Kongres ini sifatkan MARA itu ialah anak kandung Kongres sendiri. Kongres telahpun memberi namanya pada hari ini. MARA ini akan menjalankan kehendak dan cita-cita Kongres...Saya harap akan mendapat kerjasama yang rapat di antara Kongres dengan MARA, dan Kongres akan bersama-sama memperhati, mendidik, mengajar dan

⁷ Ucapan TPM di Upacara perletakan batu asas bangunan Ibu pejabat RIDA, Kuala Lumpur pada 5 Jun 1965; TR 2:6:65, pp.63-67; Ucapan2 Tun Haji Abdul Razak bin Husain, Arkib Negara Malaysia & Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur:1965

memelihara anak kandungnya sendiri iaitu MARA...Saya menerima dengan berbesar hati cadangan Kongres, iaitu RIDA ditukarkan nama dan dijadikan MARA atau Majlis Amanah Rakyat bumiputera. Saya fikir nama ini sangat sesuai dengan kehendak dan hasrat rakyat bumiputera sekalian...Saya telah sebutkan tadi, kemajuan sesuatu bangsa itu bukanlah dalam tangan kerajaan bahkan bukanlah dalam tangan Menteri, tetapi ialah dalam tangan, dalam nadi dan titik peluh tiap-tiap orang rakyat negara ini. Oleh itu kalau kita semua ada mempunyai keazaman, semangat dan jiwa ingin kepada kemajuan, semangat dan jiwa berani dan bersedia bekerja, berkorban dan bertenaga, dengan berkat Tuhan kemajuan-kemajuan akan tercapai. Inilah pesan dan harapan saya kepada tuan-tuan dan puan-puan, kepada Kongres ini dan kepada bumiputera seluruhnya...langkah kita mengadakan Kongres Ekonomi Bumiputera ini bolehlah dibandingkan sama dengan langkah Kerajaan Amerika melancarkan angkasawan-angkasawannya ke angkasa lepas. Kerajaan dan Kongres ini telah melancarkan angkasawan ke angkasa lepas ekonomi supaya dapat bumiputera mengambil bahagian yang lebih sempurna, lebih penting dan akhirnya mendapat kejayaan dan kemakmuran yang kita kehendaki. Kita telah lancarkan bukannya GEMINI bahkan MARA ke angkasa lepas dengan penuh harapan bahawa kapal angkasa lepas kita itu dapat membawa kita kepada kesenangan dan kemakmuran.⁸

(On 15th July 1965)

Gentlemen, I have decided that the existing RIDA be reorganized so as to give it new life, new spirit and image. Following upon the resolution of the Kongres Ekonomi Bumiputera, I have also decided that the reorganized RIDA be given a new name called Majlis Amanah Rakyat (MARA). I feel that it is time now to do this because the RIDA that we have today is too cumbersome to carry on the task of helping the Bumiputera to get effective participation in the economic life of this country. The law setting up the new organizations (MARA) is now being drafted, but we have to start setting up new organizations within MARA under the existing law straight away. I have, therefore, given instructions that MARA should have 7 divisions each to be headed by a Director. The Divisions are ... (vii) The Training Divisions ... (ii) Encik Mansor bin Othman – Director of Training.⁹

(On 30th September 1965)

You will recollect that the Government held the Congress Economy Bumiputera in June for the purpose of getting ideas, positive suggestions and views on how to help the Bumiputera to participate actively and effectively in the economic life of the country, especially in the field of commerce and industry. The congress, sitting for 3 days in succession, went through all the aspects of the problems and suggested certain steps to be taken so as to enable the Bumiputera to achieve a certain measure of participation in the economic life and development of the country. The steps suggested are embodied in the 69 resolutions adopted by the Congress, I have accepted all the 69 resolutions, and the closing sessions of the Congress, I made it clear that the Government will take active and appropriate steps to implement them...One of the main resolutions of the Congress

⁸ Ucapan TPM dalam Upacara penutup Kongres Ekonomi Bumiputera di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur pada 7 Jun 1965, TR 3:6:65, ;pp.68-76.

⁹ Speech by the DPM at the Meeting of MARA on 15th July 1965., TR 3:7:65., pp.106-108

was on the re-organisations of the old RIDA and establishment of the Majlis Amanah Rakyat. The re-organisations of RIDA is about to be completed and MARA, when the new legislation has been passed by Parliament, will supersede the old RIDA. Although the new legislation has not been passed, I already directed that MARA should operate in the way that will give maximum impact on the economic development of the country...I have also directed that MARA should give emphasis on assisting the Bumiputera in the field of commerce and industry. I am sure that when MARA is properly established it will be able to cope up with the main responsibility entrusted upon it by the Congress. However, MARA needs not only a good public image and vigour but also talents. Steps towards recruiting young and qualified people into MARA and to pool talents from the business community of this country and from overseas are now being taken. The United Nations Agencies, The Colombo Plan, and other bodies have been approached for the necessary talents, experience and knowledge for the successful running of the MARA...Through MARA, the Government is providing the necessary training for the Bumiputera to participate and partake in the commercial life of the country. Once they have been trained, they would be able to stand on their own feet and carry out their business in a sound manner.¹⁰

(on 9th October 1965)

Happy to talk to you all today. I am told that, since yesterday you all have been having a Seminar here to discuss the organization of MARA and its plan of action...I have explained to the Chairman and Directors that the people i.e. the Bumiputera expects a lot from MARA. It is their duties to fulfill these expectations. As far as I am concerned and the people are concerned we need results. You all Directors and officers of MARA have to produce results. How you do it is a matter for you. No matter what you do, if you do not produce the results required you are no good to MARA and no good to the people. That is why you have to plan your work properly. That is why you have to put new life to MARA – new approach, new attitude of mind, mind to your work. You have to work with speed and precision. The function of MARA is simply this – to carry out or assist or facilitate economic and social development in this country particularly in the Rural areas. You have to assist the Bumiputera to have a greater share in the business and economic life in the country. To me you can do this in three ways. I know I may be over simplifying. (1) To train Bumiputera in business management etc. so that they can get employment in firms, factories etc – matter for Dewan Latihan (2) To train Malay business enterprises so that they can carry on business (3) To undertake business enterprises in order to help Bumiputera to have a full part in the business...Don't be theoretical – always practical. Accept this and conditions as they exist and try to improve them. Don't look for big things. MARA is not to help Malay Towkays – they can fare for themselves. MARA is to help the small men and to help the majority of people.¹¹

¹⁰ Notes on press conference by the DPM launching the Bank Bumiputera and FAMA held on 30th September 1965. TR 4:9:65, pp. 206-213

¹¹ Speech by the DPM to MARA course, Petaling Jaya on 9th October 1965. TR 2:10:65, pp. 220-221.

(On 10th November 1965)

Tuan Yang di-Pertua, Saya dengan sukacita dan bangganya mengemukakan ke Dewan ini untuk pertimbangan dan persetujuan suatu rang undang-undang yang sangat penting dan mustahak bagi kemajuan negeri ini iaitu rang undang-undang untuk menubuhkan suatu Perbadanan yang dinamakan Majlis Amanah Rakyat (MARA). Tuan Yang di-Pertua, tujuan dan cita-cita hendak menubuhkan suatu perbadanan seperti yang tersebut ialah dengan tujuan supaya ada sebuah lembaga yang boleh menjalankan dasar Kerajaan untuk memperbaiki iktisad rakyat di luar Bandar dan memberi mereka itu peluang yang lebih besar dan luas lagi dalam lapangan perniagaan dan perusahaan. Sehingga hari ini tugas itu telah dijalankan oleh Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan atau RIDA, akan tetapi RIDA telah ditubuhkan pada masa penjajahan dahulu dan tidak mempunyai bentuk, nafas dan jiwa yang boleh menjalankan tugas yang penting ini – sesuai dengan hasrat dan kehendak-kehendak rakyat dalam Negara kita yang merdeka dan berdaulat ini. Dengan sebab itu difikirkan patutlah lembaga RIDA itu digantikan dengan lembaga yang baharu yang mempunyai bentuk, nafas dan jiwa yang baharu. Penubuhan lembaga Majlis Amanah Rakyat ini telah dipersetujui oleh Kongres Ekonomi Bumiputera yang telah dijalankan pada bulan Jun yang lalu dan 69 ketetapan telah diluluskan oleh Kongres itu. Oleh yang demikian, rang undang-undang ini sebenarnya untuk memansuhkan lembaga RIDA dahulu – mengkebumikan dan digantikan dengan lembaga yang baharu ini – MARA. Segala pekerjaan-pekerjaan yang telah diperbuat oleh RIDA dahulu adalah ditamatkan dan dasar RIDA dan perjalanannya dahulu diberhentikan sama sekali. MARA adalah perbadanan yang baharu dengan mempunyai cara perjalanan yang baharu, bentuk pentadbirannya pun baharu. Dengan itu diharap apakala lulusnya rang undang-undang ini segala perkara-perkara yang berkaitan dengan RIDA dahulu dilupakan sama sekali dan kita mulakan dengan perbadanan yang baharu ini, MARA. Kerajaan adalah mempunyai harapan yang penuh supaya cita-cita dan hasrat rakyat di kampung-kampung di luar Bandar untuk mendapat bahagian yang lebih sempurna dalam lapangan iktisad dan perniagaan itu dapat dilaksanakan dengan lebih giat dan sempurna lagi...Sungguhpun rang undang-undang bagi menubuhkan MARA ini hanya dapat dibentangkan dalam persidangan Dewan Rakyat pada hari ini, akan tetapi MARA telah ditubuhkan semenjak selepas sahaja Kongres Ekonomi Bumiputera bersidang dan jentera pentadbiran MARA telahpun diatur dan MARA telah pun mula menjalankan tugas-tugasnya. Tugas MARA ialah hendak menjalankan apa juga langkah yang difikirkan patut untuk memajukan iktisad-iktisad dan masyarakat rakyat Malaysia, terutama sekali mereka-mereka yang duduk di luar Bandar. Tanggungjawab dan kuasa Majlis ini adalah disebut satu persatu dalam Fasal 6 rang undang-undang ini. Sungguhpun rancangan-rancangan yang akan dijalankan oleh MARA akan memberi nikmat dan faedah kepada ahli-ahli bumiputera Negara ini disebabkan mereka itulah sebenar-benarnya berkehendakkan pertolongan bagi mendapatkan bahagian yang lebih besar dan lebih luas dalam lapangan iktisad dan perusahaan. Akan tetapi MARA akan memberi pertolongan juga kepada warganegara Malaysia yang lain yang mundur dalam lapangan iktisad ini dan berkehendakkan bantuan-bantuan seperti ahli-ahli bumiputera juga. Seperti saya telah sebutkan, MARA adalah mempunyai dasar dan tugas yang penting. Dengan sebab itu langkah yang pertama yang telah diambil ialah mengatur jentera pentadbiran MARA ini...Pengarah-pengarah ini adalah daripada orang-orang yang difikirkan mempunyai semangat dan kelayakan untuk menjalankan tugas masing-masing. Saya telahpun memberi perintah kepada Pengerusi,

Pengarah-pengarah dan Pegawai-pegawai MARA yang ada sekarang ini bahawa mereka itu adalah dikehendaki menjalankan tugas masing-masing dengan cergas, dengan penuh semangat dan keikhlasan dan mustahak segala pekerjaan yang dijalankan itu akan mendapat hasil dengan sepenuh-penuhnya. Saya telah memberi arahan juga bahawa tiap-tiap rancangan yang dijalankan oleh MARA mustahaklah berjaya dan tiap-tiap pertolongan yang diberi oleh MARA mustahak memberi kehasilan dengan sepenuhnya. Tugas yang akan dijalankan oleh MARA adalah dibahagi kepada 3 bahagian yang besar. (1) MARA akan memberi latihan kepada ahli-ahli perniagaan dari pihak bumiputera yang difikirkan mempunyai semangat dan kemahuan hendak menjalankan perniagaan...Bahagian Latihan. (2) lapangan pengangkutan. (3) lapangan perusahaan dan perdagangan...Akan tetapi dalam semua perkara-perkara ini yang penting sekali rakyat sendiri terutama mereka yang duduk di kampung-kampung dan kerjasama. Mereka itu hendaklah menzahirkan semangat atau jiwa yang betul-betul ingin kepada kemajuan dan kemakmuran. Kerajaan hanyalah dapat memberi pertolongan kepada mereka-mereka yang mempunyai jiwa atau semangat yang berani berkorban dan bekerja untuk mencapai kemajuan-kemajuan yang mereka itu kehendaki. Kesimpulannya; kemajuan dan kebahagiaan bagi rakyat hanyalah dapat dicapai dengan usaha dan tenaga rakyat sendiri, dibantu dan ditolong oleh pihak Kerajaan...Saya yakin dan percaya kalau mereka itu sebenar-benarnya menunjukkan semangat dan jiwa dan sebenar-benarnya berani berusaha dan bertenaga untuk memperbaiki keadaan hidup mereka itu, saya yakin dan percaya ahli-ahli bumiputera dan rakyat di luar Bandar akan dapat meningkat kepada kemajuan-kemajuan di lapangan iktisad yang mereka itu cita-cita dan kehendaki.¹²

(On 11th November 1965)

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan masalah definisi "bumiputera" ini, yang sebenarnya tidak ada definisi bumiputera dalam Perlembagaan kita. Jadi perkataan "bumiputera" ini ialah digunakan kepada orang Melayu dan kepada ahli-ahli bumiputera di Negeri Sabah dan Sarawak. Dalam Perlembagaan kita, ada keterangan atau definisi orang-orang Melayu dan dalam Perlembagaan Negeri Sabah dan Negeri Sarawak ada definisi bumiputera. Jadi perkataan "bumiputera" ini ialah meliputi orang-orang Melayu, ahli-ahli bumiputera di Sabah, di Sarawak dan termasuk jugalah Orang-orang Asli yang ada di Tanah Melayu ini. Jadi, tuan Yang di-Pertua, sebenarnya seperti saya terangkan tadi, bahawa **Rang Undang-undang ini yang dinamakan Majlis Amanah Rakyat ini dan perbadanan ini yang dinamakan Majlis Amanah Rakyat ini, ialah akan memberi pertolongan kepada semua penduduk-penduduk negara ini yang berkehendakkan pertolongan – yang mundur, yang miskin, yang tidak ada peluang mendapat bahagian dalam lapangan iktisad dan perniagaan.** Jadi, Rang Undang-undang ini tidaklah memberi faedah kepada satu puak sahaja. Tetapi kita semua tahu, Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri tahu, bahawa sebahagian besar daripada penduduk-penduduk negeri yang berkehendakkan pertolongan ialah ahli-ahli bumiputera, orang Melayu dan ahli-ahli bumiputera yang duduk di Sabah dan juga di Sarawak. Jadi, nyatalah sebahagian besar daripada orang yang akan mendapat faedah daripada rancangan-

¹² Ucapan TPM dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ketika mencadangkan Rancangan undang-undang Majlis Amanah Rakyat dibacakan bagi kali yang kedua di Dewan Rakyat pada 10 November 1965, TR3:11:65, pp.250-256.

rancangan yang dijalankan oleh MARA ini ialah ahli-ahli bumiputera. Tetapi kita tidak hendak menyekat pertolongan-pertolongan hendak diberikan orang-orang pihak asing yang bukan bumiputera, yang mempunyai keadaan yang sama dengan keadaan ahli-ahli bumiputera, sungguhpun bilangan mereka itu kecil. Jadi menurut Perlembagaan kita, kita tidak boleh membuat satu undang-undang khas untuk memberi hak kepada satu puak. Ini adalah terang dalam Perlembagaan kita dalam Fasal 153 dalam Perlembagaan...jadi Kerajaan menjalankan rancangan-rancangan ini, menubuhkan MARA ini, dengan tujuan supaya MARA – pihak Kerajaan, dapat memberi sepenuh-penuh peluang kepada rakyat di luar Bandar untuk memajukan keadaan iktisad mereka itu. Jadi saya harap janganlah tersilap faham di atas hal ini, bila kita sebutkan hendak memperbaiki kebebasan iktisad di antara penduduk di luar Bandar dengan penduduk di Bandar ini ataupun 'correcting economic imbalances between the people in urban and rural areas', kita maknakan kita hendak beri peluang-peluang yang sama kepada penduduk-penduduk di luar Bandar dengan penduduk-penduduk di Bandar. Bukan kita hendak samakan keadaan iktisad penduduk di luar Bandar dengan penduduk di Bandar itu. Jadi ini seperti saya terangkan, bagi pihak Kerajaan hanyalah dapat memberi pertolongan-pertolongan pendidikan dan pengajaran dan juga pertolongan-pertolongan apa cara yang patut, tetapi mustahaklah bagi rakyat sendiri, penduduk-penduduk di luar Bandar, menjalankan usaha tenaga mereka itu untuk memperbaiki iktisad mereka itu sendiri...Saya telah memberi tahu pegawai-pegawai MARA bahawa pihak rakyat di kampung-kampung dan di luar Bandar, hanyalah berkehendakkan kehasilan, mereka itu berkehendakkan kejayaan dengan seberapa segera. Jadi inilah tujuan yang pegawai-pegawai sekalian mesti dikehendaki melaksanakan iaitu menjayakan semua sekali rancangan dengan seberapa daya upayanya.¹³

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menerangkan, pertama berkenaan dengan kedudukan RIDA. Ada Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang mengadakan RIDA ini telah gagal dan tidak dapat menjalankan apa-apa kemajuan dan telah tidak berjaya. Saya telah sebutkan tadi bahawa RIDA ini sebenarnya ditubuhkan pada masa penjajahan dahulu. Jadi, mustahaklah pembentukan dan dasar RIDA itu ditukar, bahkan dasar RIDA telahpun ditukar pada masa Kerajaan mula-mula menubuhkan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dahulu...bahawa dalam melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan negara dan luar Bandar Kerajaan Perikatan, Kerajaan menjalankan rancangan-rancangan itu dengan mengadakan tingkatan-tingkatan. Tingkatan yang pertama ialah bagi Kerajaan mengadakan kemudahan-kemudahan kepada rakyat di luar Bandar, seperti jalanraya-jalanraya, bekalan air, tempat berubat, sekolah-sekolah dan sebagainya. Kemudian daripada itu kita datang kepada tingkatan kedua iaitu Tingkatan Tenaga Rakyat, dan kemudian daripada itu tingkatan yang ketiga, Kerajaan menolong mengadakan pasaran-pasaran kepd penduduk-penduduk luar Bandar dan sekarang kita sampai kepada tingkatan yang keempat, iaitu tingkatan bagi Kerajaan menolong rakyat di luar Bandar bagi membesar dan meluaskan mata pencarian mereka itu. Maka apabila sampai pada

¹³ Ucapan TPM dan Menteri Pemabangunan Negara dan Luar Bandar di dalam perbahasan mengenai MARA di Dewan Rakyat pada 11 November 1965, TR:4:11:65, pp.257-261

tingkatan ini, baharulah tugas RIDA yang sebenarnya dibetulkan dengan bentuk cara pentadbiran itu diperbaiki.¹⁴

